

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini Projek Tenusu Kambing yang dilaksanakan oleh Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) khasnya berkaitan hasil pembentangan laporan akhir projek ini kepada Kementerian pada Ogos 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Tenusu Kambing ini merupakan salah satu projek di bawah Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berkaitan penternakan kambing tenusu. Projek ini bermatlamat untuk menghasilkan inovasi yang berkeupayaan meningkatkan penghasilan susu melalui kawalan pemakanan berasaskan hasil penyelidikan. Projek ini dapat memberikan manfaat kepada penternak kambing melalui hasil peningkatan penghasilan susu yang berkualiti serta penghasilan anak kambing jantan melalui teknologi inseminasi buatan.

Projek ini juga menghasilkan inovasi kandang kambing mesra alam sekitar dengan kos penyelenggaraan yang lebih rendah berbanding kaedah penternakan konvensional. Projek ini juga menggunakan Internet Perbagai Benda (*Internet of Things - IoT*) bagi pelaksanaan penternakan pintar di mana pemantauan ternakan adalah menggunakan IoT sebagai langkah kawalan berstruktur dan teratur dengan bantuan teknologi.

Hasil projek ini diterjemah kepada komuniti penternak setempat dalam membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi melalui hasil penyelidikan dan inovasi UniSZA.

Sekian, terima kasih.

RJM91